

35,000 pelajar serbu UTHM

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi tumpuan apabila 35,000 pelajar sekolah menengah dan rendah 'menyerbu' universiti berkenaan sempena Karnival Pendidikan Tinggi Nasional (KPTN) 2017 Zon Selatan yang berlangsung dua hari berakhir semalam.

Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Dr Jamilus Md Hussin berkata, pihak UTHM berbangga kerana dipilih untuk menganjurkan program mega itu yang diadakan secara jelajah.

Menurutnya, ini adalah siri jelajah ketiga untuk 2017, selepas

penganjurannya di Kelantan dan Perlis.

"KPTN diadakan untuk mempromosi dan menyebar luas maklumat mengenai program akademik baru dan sedia ada, yang ditawarkan universiti awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, Institut Latihan Kemahiran Awam, matrikulasi serta pelbagai institusi lain."

"Ia adalah saluran disediakan pihak kementerian untuk memastikan pelajar dibekalkan dengan maklumat tepat dan terkini mengenai program pengajian yang ditawarkan," katanya semasa majlis perasmian karnival itu di Padang Kawad UTHM.



Jamilus (tiga, kanan) bersama penuntut Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik UTHM semasa karnival berkenaan.